

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

### **SBU213 - Isu-Isu Perbandaran**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. Jelaskan ciri-ciri Agenda Tempatan 21 (Local Agenda 21) dari segi urus-tadbir bandar yang baik. Pilih 4 dari ciri-ciri tersebut dan kaitkannya dengan proses perancangan di Malaysia.
2. Lakarkan satu bandar yang mempunyai ciri-ciri bandar yang mampan dan jelaskan ciri-ciri ini dengan memberi penekanan kepada isu-isu perumahan, pengangkutan, dan bekalan makanan.
3. Apakah pelan struktur? Jelaskan bagaimana orang awam dapat melibatkan diri dalam kerangka pelan struktur yang wujud sekarang. Bagaimanakah pihak majlis-majlis perbandaran menangani bantahan-bantahan awam?
4. Jelaskan sistem pertanian berdasarkan komuniti (community supported agriculture, CSA). Apakah latar-belakang yang telah mencetuskan pergerakan CSA? Bandingkan faedah-faedah sistem bekalan makanan seperti ini dengan sistem bekalan makanan yang wujud sekarang.

...2/-

5. Terangkan peranan perancang-perancang bandar di negara-negara pinggir. Beri pendapat anda tentang peranan perancang-perancang bandar yang paling mirip dengan pengalaman perancangan bandar di Malaysia berdasarkan contoh-contoh yang sesuai.
6. Apakah sistem perwakilan kerajaan tempatan yang wujud sekarang? Bandingkan kelebihan-kelebihan dan kekurangan-kekurangan sistem ini dengan sistem yang telah wujud di Malaysia sebelum tahun 1966.

- oo oOo oo -